

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC

TEMPAT: DEWAN SERBAGUNA, IBU PEJABAT TNB, KUALA LUMPUR

TARIKH: 07 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung MIC tahun ini. Ini sudah menjadi tradisi parti-parti komponen Perikatan dan Barisan Nasional semenjak zaman Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi pengerusi gabungan parti-parti kita. Tradisi ini adalah unik bagi kita. Ia berpunca daripada semangat perpaduan dan persaudaraan di kalangan kita.

2. Malangnya ada pihak di luar negeri yang tidak mahu melihat perpaduan ini sebagai satu kebaikan. Mereka lebih suka jika kita bermusuh-musuhan dan berpecah-belah. Justeru itu, apabila saya mendapat sambutan gemuruh sebagai Pengerusi Barisan Nasional di Mesyuarat Agung MCA baru-baru ini, kebanyakan media asing membuat komen bahawa saya hadir untuk mengesahkan atau 'endorse' pemimpin MCA. Mereka tahu dengan komen ini, mereka memberi peluru kepada parti lawan dan orang Cina untuk menyerang MCA. Dengan ini mereka berharap perpaduan parti dan perpaduan kaum dalam BN akan terjejas.

3. Mereka amat tidak senang melihat kita yang terdiri daripada kaum-kaum yang berlainan tidak bersengketa dan bermusuh-musuhan seperti yang berlaku di kebanyakan negara berbilang kaum yang lain. Mereka kecewa kerana negara kita aman dan stabil dan kita dapat membangunkan negara dengan pesat. Mereka lebih suka jika kita dilandai dengan rusuhan kaum yang hebat dan negara kita kucar-kacir dan tidak dapat dibangunkan. Dengan ini mereka dapat memuaskan keangkuhan nafsu mereka yang sentiasa berperasaan mereka 'superior' dan lebih tahu tentang politik di mana-mana sahaja. Mereka suka memberi nasihat berkenaan dengan segala-galanya seolah-olah mereka lebih tahu tentang apa sahaja. Tetapi sebenarnya mereka tidak tahu. Dan di negara mereka, mereka tidak lebih mampu mentadbir daripada kita. Bahkan dalam soal-soal perkauman mereka lebih ekstrim dan tidak toleran. Mereka lupa bahawa semasa mereka menjajah kita dahulu, mereka mengamalkan 'white superiority' dengan begitu angkuh. Tetapi sekarang mereka cuba berlagak sebagai orang yang begitu bebas daripada perasaan perkauman dan cuba mengajar kita.

4. To them I would say, look at yourself first. You are less perfect than we are. In many ways you are still

racist. You like to pass comment on others but when others comment on your behaviour you accuse them of being unduly sensitive. In fact, it is you who are sensitive and intolerant.

5. In Malaysia, the Chairman of Barisan Nasional is not in the business of endorsing leaders of the component parties. He cannot even endorse the leaders in his own party. But in Malaysia we believe in goodwill and togetherness. It is for that reason that the Chairman of Barisan Nasional traditionally officiates the opening of the general meetings of component parties.

6. Saya gembira dan berbangga bahawa MIC sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional kini adalah lebih bersatu padu, stabil dan kukuh. Kekukuhan, kestabilan dan perpaduan ini menunjukkan kebijaksanaan dan kematangan kepimpinan MIC dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh parti. MIC hari ini lebih diterima oleh masyarakat India Malaysia sebagai parti yang dapat menjaga kepentingan mereka dengan lebih berkesan. Ini dapat dilihat daripada kegiatan-kegiatan parti yang bertujuan membantu meninggikan lagi taraf ekonomi masyarakat keturunan India. Saya juga gembira bahawa MIC bersama-sama dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain telah memainkan peranan yang berkesan dalam meningkatkan perpaduan kaum dan pembangunan negara. Ini penting jika kita ingin melihat negara ini terus stabil, maju dan makmur.

7. MIC mungkin parti yang kecil berbanding dengan UMNO, tetapi bagi BN, MIC adalah sama penting. Dalam BN semua parti adalah sama atau 'equal'. Tidak ada parti dalam BN yang diberi layanan yang kurang sama. Dalam BN kita hormat-menghormati di antara satu sama lain. Atas dasar inilah parti-parti komponen Barisan Nasional boleh bekerjasama antara satu sama lain. Tidak seperti parti pembangkang, BN sentiasa mengambilkira kepentingan parti-parti komponennya. Parti-parti pembangkang lebih mementingkan diri masing-masing. Itulah sebabnya parti-parti pembangkang tidak dapat menubuhkan Barisan Pembangkang yang berkesan kerana DAP dan PAS sentiasa mahukan layanan yang khas bagi diri masing-masing dan menganggap parti mereka lebih penting.

8. Malaysia kini sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju. Dalam proses menjadi sebuah negara maju, negara perlu perkembangan ekonomi yang pesat. Untuk membolehkan kita mencapai matlamat Wawasan 2020, kita memerlukan kadar pertumbuhan purata sebanyak 7 peratus setahun. Ini kita yakin dapat dicapai dengan adanya keazaman rakyat untuk bekerja dengan kuat dan meningkatkan lagi produktiviti negara. Jika semenjak kita merdeka kita berjaya mencapai pertumbuhan purata sebanyak 6.7 peratus setahun, kita yakin akan kebolehan kita menambah hanya 0.3 peratus lagi untuk mencapai 7 peratus setahun. Wawasan kita bukan satu impian tetapi adalah matlamat yang waras. Kita boleh.

9. Kerajaan juga yakin banyak peluang ekonomi akan wujud dalam usaha kita menjadi sebuah negara maju. Dalam hal ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat semua kaum, termasuk kaum keturunan India, memperolehi peluang dan faedah dan tidak ketinggalan dalam proses pembangunan. Kerajaan akan menentukan tidak ada mana-mana kaum yang diketepikan. Bagaimanapun rakyat Malaysia tidak patut mengharapkan Kerajaan semata-mata untuk membantu mereka. Rakyat juga perlu berusaha dan bekerja kuat untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang diwujudkan. Kerajaan yakin 'economic cake' yang akan kita wujudkan adalah cukup besar untuk dibahagi-bahagikan kepada semua kaum di negara ini.

10. Justeru itu, masyarakat keturunan India Malaysia di negara ini hendaklah sentiasa bersedia untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang diwujudkan. Di negara kita tidak ada halangan dan sekatan terhadap usaha-usaha mengumpulkan harta kekayaan. Semua kaum bebas untuk mencari kekayaan. Bagi mereka yang sanggup berusaha kuat dan tabah menghadapi cabaran, mereka boleh berjaya. Kejayaan tidak mengenal kaum. Ini terbukti jika kita lihat mereka yang telah berjaya dalam sektor korporat. Mereka yang berjaya terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

11. Tidak ada gunanya kita menyalahi pihak-pihak lain di atas kelemahan dan kegagalan kita. Memanglah senang untuk kita menyalahkan orang lain. Ia merupakan cara paling popular untuk mendapat pengaruh dan sokongan. Bagaimanapun, ianya boleh menjadi bahaya kerana ianya boleh menaikkan sentimen dan emosi sesuatu kaum. Jika kita tidak berhati-hati dan hanya mementingkan kepentingan diri sendiri sahaja, ianya boleh menimbulkan keadaan yang kurang baik. Inilah yang sentiasa cuba dielakkan oleh Kerajaan. Kita tidak mahu menjadi seperti parti lawan yang suka mengeksploitasikan sentimen perkauman untuk mendapat pengaruh dan menyalahkan Kerajaan setiap kali sesuatu masalah atau kecuai berlaku.

12. Saya telah melawat banyak negara di dunia ini. Saya telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara-negara ini dan melihat sendiri keadaan ekonomi dan hidup rakyat mereka. Tidaklah keterlaluan kalau saya menyatakan bahawa kita di sini sungguh bernasib baik. Malaysia adalah sebuah negara yang paling berjaya dalam mengatasi masalah politik, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, ramai pemimpin negara-negara yang saya lawati mengakui akan hakikat ini dan menyanjung tinggi kejayaan Malaysia. Mereka merasakan kita bernasib baik kerana negara kita bukan sahaja aman dan stabil, tetapi juga berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sedangkan negara-negara lain termasuk negara-negara maju mengalami kemerosotan. Demokrasi juga diamal dan berjalan dengan baik di negara ini walaupun ada pihak yang mencemuh kita.

13. Pimpinan atau leadership sesebuah negara adalah penting dan ianya adalah antara faktor utama yang menentukan kejayaan sesebuah negara itu. Kejayaan Malaysia selama ini adalah antara lain kerana kita mempunyai pemimpin-pemimpin

yang bukan sahaja berkemampuan dan berdedikasi tetapi juga ikhlas dan jujur untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat. Tidak ada yang lebih buruk bagi sesuatu negara daripada mendapat pemimpin yang tidak berwibawa. Lihatlah nasib beberapa negara yang menjadi mundur walaupun memiliki sumber alam yang kaya dan rakyat yang cekap dan rajin hanya kerana pemimpin mengamalkan ideologi atau pendekatan yang salah. Apabila pemerintahan dialih di bawah pemimpin baru seperti di China, negara-negara ini dalam jangkamasa yang singkat dipulihkan dan mencapai kemajuan.

14. Albania yang baru saya lawati merupakan sebuah negara yang mana rakyatnya menderita begitu lama di bawah sistem komunis disebabkan pemimpinnya, Enver Hoxha, yang tidak mementingkan nasib rakyatnya. Buat begitu lama, di bawah kepimpinan komunis, Albania menjadi sebuah negara yang tertutup atau 'isolated'. Akibatnya ekonomi negara itu musnah dan rakyatnya menderita. Kini sistem komunis di Albania telah dihapuskan dan negara itu sedang berusaha di bawah kepimpinan baru yang progresif dan dinamis untuk memulihkan semula ekonomi negara itu.

15. Nasib yang malang juga telah menimpa beberapa negara di Afrika dan Amerika Latin. Oleh kerana para pemimpin mereka lebih mementingkan kuasa untuk diri sendiri daripada nasib hidup rakyat, maka ekonomi negara-negara tersebut tidak dapat berkembang. Akibatnya rakyat menderita dan hidup dalam serba kekurangan.

16. Kita di sini sungguh bernasib baik. Taraf hidup kita bukan sahaja telah meningkat, tetapi kita juga disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan oleh Kerajaan. Justeru itu, adalah amat penting rakyat memilih wakil dan pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab, berkemampuan, jujur dan ikhlas serta mempunyai 'vision' untuk menjaga nasib dan kebajikan rakyatnya. Jika kita salah memilih, atau kita asyik dengan menukar-nukar pemimpin tanpa sebab, atau kerana cita-cita besar individu tertentu, yang akan rugi ialah negara dan rakyat.

17. Pada hari ini rakyat Malaysia boleh berasa bangga kerana Malaysia adalah salah satu negara di dunia yang telah berjaya. Kejayaan ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Walaupun selepas negara merdeka, ramai yang pesimistik. Kini kita telah membuktikan bahawa sesebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya boleh hidup aman, damai, maju dan makmur.

18. Dengan adanya sekarang Wawasan yang menjadi panduan untuk kita tujui, saya yakin Malaysia boleh terus mencapai kemajuan yang lebih pesat. Ini kerana kita mempunyai 'ingredients' yang sesuai untuk terus maju. Malaysia bukan sahaja kaya dengan hasil buminya, tetapi juga mempunyai sumber pekerja dan pengusaha yang rajin, cekap dan produktif. Oleh itu, rakyat Malaysia hendaklah terus bersatupadu, bekerjasama antara satu sama lain dan hidup

saling hormat menghormati serta bertoleransi. Marilah kita menganggap ciri kita sebagai sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya sebagai satu 'plus factor'. Kita telah membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia keturunan Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan kaum-kaum lain boleh hidup aman, damai, maju dan makmur serta mengemudi negara ini ke tahap kejayaan. Oleh itu tidak ada sebab kita tidak boleh membina kejayaan yang lebih besar bersama-sama di masa depan.

19. Yang penting ialah kestabilan politik negara perlu dikekalkan. Dalam hal ini, hanya BN sahaja yang boleh menjamin kestabilan negara akan berterusan. Justeru itu, saya harap masyarakat keturunan India di negara ini akan terus menyokong MIC dan BN. Masyarakat keturunan India perlu terus menyokong BN untuk menjamin negara akan terus aman, maju dan makmur. MIC adalah satu-satunya parti yang boleh mewakili kaum keturunan India dan menjaga kepentingan mereka. Lagipun MIC mempunyai sokongan UMNO, MCA dan parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

20. Saya harap Perhimpunan Agung MIC ini akan berjalan dengan baik. Sebagai parti yang mengamalkan demokrasi, sudah tentu ahli-ahli bebas mengemukakan pendapat dan cadangan. Saya percaya banyak perkara yang menyentuh kepentingan kaum keturunan India akan dibangkitkan dalam perhimpunan ini. Bagaimanapun saya berharap ahli-ahli juga akan memberi perhatian berat kepada isu-isu nasional serta mengambilkira kepentingan negara dalam membuat pandangan-pandangan dan tuntutan-tuntutan. Saya yakin perhimpunan ini akan menghasilkan resolusi-resolusi yang bukan sahaja akan memberi faedah kepada kaum keturunan India tetapi juga akan membantu mengukuhkan lagi pembangunan negara.

21. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini.